

PM: Tidak perlu suruhanjaya

Um - 12/6/2008

Oleh HASNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 11 Jun - Kerajaan tidak melihat ada kewajaran untuk mewujudkan suruhanjaya siasatan diraja bagi menyiasat dakwaan seorang hakim mahkamah tinggi terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu kehakiman, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, apa yang lebih penting adalah melakukan reformasi terhadap badan kehakiman negara agar ia lebih telus dan bertanggungjawab.

"Saya tidak nampak apa-apa kewajaran untuk adakan lagi satu suruhanjaya siasatan bagi menyiasat dakwaan tersebut.

"Pada saya, kita telah buat keputusan untuk mewujudkan reformasi dalam badan kehakiman dan kerana itulah yang kita nak laksanakan," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Abdullah mengulas laporan sebuah akhbar semalam mengenai pendedahan terbuka Hakim Mahkamah Tinggi Sibu, Datuk Ian HC Chin yang mendakwa bekas Perdana Menteri itu secara jelas mengugut akan menggunakan tribunal khas untuk menyingkirkan hakim yang membuat keputusan tidak menyebelahi kerajaan.

Hakim Chin mendedahkan demikian sebelum mendengar petisyen pilihan raya yang difailkan calon DAP bagi Parlimen Sarikei, Wong Hua Seh, bagi mencabar keputusan pilihan raya umum 8 Mac lalu yang dimenangi calon Barisan Nasional (BN), Ding Kuong Hiing.

Ketika memulakan prosiding berkenaan di Mahkamah Tinggi Sibu kelmarin., Hakim Chin mendakwa Dr. Mahathir mengeluarkan ugutan tersebut pada satu persidangan hakim pada 24 April 1997.

Akhbar *The Borneo Post* melaporkan, ugutan itu dibuat tiga hari selepas Hakim Chin membuat keputusan berhubung petisyen pilihan raya kerusi Bukit Begunan yang memihak kepada calon Bebas, Do-



TEATER... Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Jeanne Abdullah malam tadi mengiringi Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah menonton persembahan teater *P. Ramlee the Musical* di Istana Budaya, Kuala Lumpur.

● ABDULLAH Ahmad Badawi dan Jeanne Abdullah

menerima buku *P. Ramlee the Musical* daripada Penerbit Eksekutif Enfiniti Productions Sdn. Bhd., Tiara Jacqueline selepas ia dilancarkan oleh Tuanku Nur Zahirah ketika persembahan berhenti rehat di Istana Budaya, Kuala Lumpur, malam tadi.

- Gambar ZULAZHAR SHEBLEE

nald Llawan pada 21 April 1997.

Kerusi berkenaan sebelum itu dimenangi calon BN, Mong anak Dagang.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim berkata, secara peribadi beliau berpendapat

siasatan lanjut hanya akan membazirkan wang rakyat sedangkan maklumat terperinci mengenainya belum tentu diperoleh.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam blognya, www.chedet.com, pula berkata, beliau tidak akan mengulas dakwaan itu pada

masa ini dan akan berbuat demikian pada masa yang sesuai.

"Bagaimanapun, saya ingin tahu apa yang Ian Chin sifatkan sebagai 'ugutan berlapik' itu. Mungkin beliau perlu lebih spesifik kerana tuduhan-tuduhan itu sangat serius," katanya.